PENDAKWA RAYA

lwn.

HASHIM HAMZAH

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KOTA BHARU
SULEIMAN HASHIM PK
[RAYUAN JENAYAH NO. 47(58)-3-1989]
23 JANUARI 1992

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Samada Informer - perkara pembayaran ganjaran kepada seorang sumber - Material - Kes pihak pendakwa berasaskan pada sumbernya - Seksyen 40, 42A Akta Dadah Berbahaya 1952.*

Tertuduh dituduh melakukan suatu kesalahan dibawah s. 39B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan jika sabit boleh dihukum dibawah s. 39B(2) Akta yang sama. *Inter alia* Mahkamah memerhatikan dengan teliti bahawa punca asas kes pihak pendakwa ialah maklumat yang telah diterima daripada sumbernya (informer) itu. Hakim Yang Arif berpendapat bahawa Mahkamah tidak dapat mengenepikan isu punca, asas kes pihak pendakwa ialah seorang sumber, mengenai *bona fides*, kebolehpercayaan sumber itu yang seorang pada satu ketika ganjaran kepadanya tidak dibayar, yang seorang 'having a purpose to serve' yang seorang 'not entirely disinterested' dan kalau dikes di hadapan saya sekarang ini boleh dikatakan ada sokongan (corroboration) dengan SP2 dengan sekurang-kurangnya SP4 dan SP6 mengatakan tertuduh ada membawa P5 itu masih untuk pertimbangan selanjutnya apakah tahap, taraf, *bona fides*, kebolehpercayaan seorang sumber seperti sumber kes dihadapan Mahkamah.

Diputuskan:

[1] Kes di hadapan Mahkamah sekarang ini juga "having regard to the common course of natural events and human conduct", "the totality of these circumstances" dengan ukuran imbangan kebarangkalian barangkali (probable) sumber dikes di hadapan Mahkamah sekarang ini, seorang pada satu ketika ganjaran kepadanya tidak dibayar,seorang "having a purpose to serve, seorang "not entirely disinterested"sangat-sangat berniat sabitan tertuduh saperti dinyata dituduhan dan *bona fides*, kebolehpercayaan sumber dikes di hadapan Mahkamah sekarang ini menjadi disyaki (becomes suspect).

[2] Di bawah s. 40(3) Akta Mahkamah boleh (may) mengadakan siasatan (inquire) dan pendedakan (full disclosure) mengenai seorang sumber atas sebab sebab tertentu, tetapi dengan hormatnya rasa saya ini budibicara ini satu budibicara kegunaannya hendaklah berhati-hati (judiciously).

[3] Kes hadapan saya sekarang ini oleh kerana *bona fides*, kebolehpercayaan sumber, bermakna oleh kerana *bona fides* kebolehpercayaan punca, asas kes pihak pendakwa menjadi disyaki (becomes suspect) adalah sedikit bahaya (not safe) untuk pembelaan tertuduh dipanggil untuk menjawab tuduhan.

[Tertuduh dibebaskan dan dilepaskan tanpa pembelaan dipanggil.]

Kes-kes dirujuk:

Haw Tua Tau lwn. PP [1981] CLJ (Rep) 11 ***(dirujuk)***
Lim Boon San lwn. PP [1968] 2 MLJ 45 ***(dirujuk)***
Liow Siow Long lwn. PP [1970] 1 MLJ 40 ***(dirujuk)***
Syed Ali b. Syed Abdul Hamid & Yg. Ln. lwn. PP [1982] CLJ (Rep) 340 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 37(d), 37(da)(vi), 39B(1)(a), 39B(2),40, 40(3), 42A

Bagi pihak pendakwaan - Mohd. Amin Firdaus
Bagi pihak tertuduh - Sukri b. Hj. Mohd.

PENGHAKIMAN

Suleiman Hashim PK:

Tertuduh dituduh:

> Bahawa kamu pada 16 Oktober 1988, jam lebih kurang 1.50 petang di dalam sebuah kedai kopi tidak bernombor, kepunyaan satu Tuan Som binti Syed Mahmood (KP. No. 2752193) di Kampong Dangar Rantau Panjang dalam daerah Pasir Mas di dalam Negeri Kelantan telah didapati mengedar dadah berbahaya iaitu kanabis (ganja) seberat 295.41 gram dan oleh itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama.

Kes pihak pendakwa ialah seperti kata Kpl. 88904 Ismail b. Hamzah (SP4):

> Pada 16 Oktober 1988 saya bertugas di Balai Polis Rantau Panjang.
>
> Pada 16 Oktober 1988 jam lebih kurang 1.40 petang saya bagi taklimat kepada Konst. 82352 Mohd Sharif dan kepada Konst. 98223 Razali (Konst. Sharif dicam, Konst. Razali pergi menelefon mengenai SP3), taklimat saya beri di bawah berek kelamin Balai Polis, R. Panjang.
>
> Pada 16 Oktober 1988 jam lebih kurang 1.45 petang saya menaiki motosikal saya dengan membawa Konst. Sharif dan Konst. Razali menaiki motosikalnya sendiri.
>
> Kami pergi ke Kg. Dangar, Rantau Panjang, sampai di situ dalam jarak 20 meter di atas jalan raya saya nampak seorang lelaki yang memakai baju jaket warna biru dan seluar jean warna biru, lelaki tersebut duduk di atas kerusi makan mengadap sebuah meja makan yang mengadap dalam kedai kopi kepunyaan Tuan Som. Lelaki itu membelakangkan jalan raya dan saya dapati dalam kedai kopi itu tiada orang lain kecuali Tuan Som.
>
> Kemudian saya berhentikan motosikal saya di hadapan sedikit dan saya letakkan motosikal saya di sebelah kanan jalan kaki lima dalam jarak lebih kurang 10 meter dengan kedai kopi itu.
>
> Masa itu saya nampak lelaki tersebut tadi ada memegang satu bungkusan plastik warna hijau dan topi kain warna biru dengan tangan kirinya di mana bungkusan tersebut terletak di atas meja yang di hadapnya berdekatan dengan rusuk kirinya.
>
> Masa itu juga saya bersama Konst. Sharif dan Razali menghampiri lelaki tersebut dari belakangnya.
>
> Kemudian saya memperkenalkan diri saya polis, saya terus pegang kolar baju lelaki tersebut dan tangan lelaki tersebut, tangan kiri yang memegang bungkusan tersebut. Saya pegang kolar baju lelaki tersebut dengan tangan kanan saya dan tangan kiri saya memegang tangan kiri lelaki tersebut yang sedang memegang tangan kiri lelaki tersebut yang sedang memegang bungkusan plastik warna hijau.
>
> Kemudian pada jam lebih kurang 1.50 petang hari yang sama saya ambil bungkusan tersebut daripada tangan kiri lelaki tersebut.

Bungkusan plastik tersebut itu ialah P5, di dalamnya ganja seperti dinyata di tuduhan.

Keterangan SP4 disokong oleh keterangan Konst. 82352 Sharif b. Md. Sulong (SP6).

Keterangan Tuan Som bt. Syed Mahmood (SP2) tuanpunya kedai ialah beliau ada nampak tertuduh masuk kedainya dengan membawa satu bungkusan plastik, tertuduh letak bungkusan plastik itu di atas meja, bungkusan plastik itu ada terkoyak, tertuduh minta daripadanya

bungkusan plastik lain, kata tertuduh bungkusan plastiknya telah terkoyak. Tuan Som beri kepada tertuduh bungkusan plastik lain, tertuduh minta air sirap, tiba-tiba datang SP4, SP6 dan seorang lagi anggota polis, mereka tangkap tertuduh. Tuan Som tidak dapat cam P5, katanya sudah lama dan bungkusan plastik yang beliau beri kepada tertuduh ialah bungkusan plastik kedainya, bungkusan plastik biasa beliau ambil terus beri kepada tertuduh.

Kesimpulan penghujahan peguambela yang arif ialah tidak ada kes *prima facie* terhadap tertuduh, tidak ujud anggapan-anggapan di bawah s. 37(d) atau 37(da)(vi) Akta, lebih-lebihnya SP2 sendiri tidak dapat cam P5, SP2 sendiri tidak dapat cam adakah P5 itu bungkusan plastik yang SP2 telah memberi kepada tertuduh, lebih-lebihnya SP4 dan SP6 telah mendapat P5 itu daripada di atas meja kedai kopi, satu tempat bebas, bukan satu tempat tertuduh ada milikan eksklusif.

Kesimpulan penghujahan YA. Timbalan Pendakwa Raya berasaskan kepada kes *Haw Tua Tau lwn. PP* [1981] CLJ (Rep) 11 dan kes-kes berikutan, ialah ada kes *prima facie* terhadap tertuduh, keterangan-keterangan SP2, SP4 dan SP6 "not inherently incredible" terhadap tertuduh, sekurang-kurangnya keterangan-keterangan SP4 dan SP6 "not inherently incredible" terhadap tertuduh.

Punca, asas kes pihak pendakwa ialah maklumat SP4 telah terima daripada sumbernya (informer) dan saya ada tanya SP4:

Mahkamah

S. Kes terhadap tertuduh asasnya maklumat Kpl. Ismail terima daripada sumber Kpl. Ismail.

J. Benar.

S. Kpl. Ismail ingat tidak semasa perbicaraan dahulu ada En. Sukri menimbulkan perkara pembayaran ganjaran kepada seorang sumber dan saya ada baca s. 42A Akta mengenai pembayaran ganjaran kepada seorang sumber (Mahkamah baca semula s. 42A) dan kalau saya tidak silap Kpl. Ismail ada kata ada sumber Kpl. Ismail yang belum atau tidak dibayar ganjaran. Saya hendak Kpl. Ismail sekarang ini beri saya tahu sumber itu belum atau tidak dibayar ganjaran atau apa.

J. Saya tidak buat tuntutan untuk pembayaran ganjaran kepada sumber saya.

S. Sumber yang Kpl. Ismail tidak buat tuntutan untuk pembayaran ganjaran itu adakah sumber itu sumber yang sama dengan sumber kes ini.

J. Sumber yang sama.

Saya menjemput peguambela yang arif dan Timbalan Pendakwa Raya yang arif menyoal SP4 selanjutnya.

Peguambela yang arif mengemukakan tiga soalan:

(1) Pembayaran kepada sumber tidak termisti dibuat berdasarkan kes demi kes tetapi boleh dibuat secara bersama.

(2) Tugas untuk pembayaran sumber bukan tugas Kpl. Ismail.

(3) Ada tidak dalam pengalaman Kpl. Ismail beberapa anggota polis, iaitu lebih seorang anggota polis, menggunakan sumber yang sama.

Timbalan Pendakwa Raya yang arif mengemukakan satu soalan:

(1) Setahu Kpl. Ismail adakah sumber ini kenal tertuduh sebelum kejadian ini.

Saya memutuskan tidak perlu SP4 menjawab mana-mana satu soalan sebabnya:

(1) Seksyen 40 Akta, perlindungan kepada seorang sumber, tidak boleh apa-apa ditanya yang mungkin identitinya ketahuan.

(2) Seksyen 42A Akta, cara pengurusan, cara pengendalian pembayaran ganjaran kepada seorang sumber ialah dalam bidangkuasa pihak berkuasa tertentu dan berasas kepada prinsip perasingankuasa Mahkamah tidak boleh ambil tahu, menceroboh bidangkuasa pihak berkuasa tertentu itu.

Dengan hormatnya di sini saya berhenti sebentar (pause a while) dan kalau boleh saya menyebut untuk panduan saya kalau pun secara analogi oleh kerana kes-kes saya akan menyebut itu ialah mengenai saksi-saksi, di kes di hadapan saya sekarang ini ialah mengenai seorang sumber dan saya harap menyebut saya itu tidak tak relevan, iaitu kes-kes mengikut kronologinya,

(1) *Lim Boon San lwn. PP* [1968] 2 MLJ 45, kata Raja Azlan Shah J (pada ketika itu),

> At the very highest I consider him as a witness having a purpose to serve, and therefore the warning against uncorroborated evidence should be given. However, in the final analysis, the rule being only a rule of practice, each case must be looked at in the light of its own facts ...

(2) *Liow Siow Long lwn. PP* [1970] 1 MLJ 40, kata Raja Azlan Shah J (pada ketika itu):

> His evidence had been attached on the sole ground that he is an interested witness because it so happened that he was a brother of the two deceased persons. It is difficult to accept that suggestion ... But if it is proved that they are not entirely disinterested witnesses, for example, they are either partisans ... then their testimony is tainted and requires corrobation if to be acted upon ...

Dengan hormatnya di kes di hadapan saya sekarang ini ujudnya dan tidak boleh dan tidak dapat mengenepikan isu punca, asas kes pihak pendakwa ialah seorang sumber, mengenai *bona fides*, kebolehpercayaan sumber itu yang seorang pada satu ketika ganjaran kepadanya tidak dibayar, yang seorang "having a purpose to serve" yang seorang "not entirely disinterested" dan kalau di kes di hadapan saya sekarang ini boleh dikatakan ada sokongan ("corroboration") dengan SP2 dengan sekurang-kurangnya SP4 dan SP6 mengatakan tertuduh ada membawa P5 itu, masih untuk pertimbangan selanjutnya apakah tahap, taraf, *bona fides*, kebolehpercayaan seorang sumber seperti sumber di kes di hadapan saya sekarang.

Satu perkara yang mengerikan saya sedikit, yang "disquieting" sedikit, yang menimbulkan "disquieting" sedikit ialah betapa mudahnya SP4 mengesan tertuduh di kedai kopi SP2, SP4 memandu sebuah motosikal, SP6 pemboncengnya, Konst. Razali sebuah lagi motosikal berseorangan, ikut belakang SP4, sungguhpun tertuduh berpakaian "T Shirt" lengan pendek leher bulat berwarna hijau muda (P12), jeket berwarna biru (P10), seluar jeans berwarna biru (P11) dan berpegang topi kain baldu berwarna biru dengan lencana "Tentera Udara Di Raja Malaysia" (P9) dengan SP6 menjelaskan, pemeriksaan balas peguambela yang arif,

S. Adakah Kpl. Ismail terus ke kedai atau pergi ke tempat lain dahulu.

J. Terus pergi ke depan kedai, terus berhenti di hadapan kedai kopi itu.

S. Dan terus Kpl. Ismail masuk kedai kopi.

J. Ya.

Juga pemeriksaan semula Timbalan Pendakwa Raya yang arif, kata SP6:

> S. Siapa bawa terus ke kedai kopi Tuan Som.
>
> J. Kpl. Ismail.Pergi ke tempat kejadian motosikal Kpl. Ismail dahulu, satu lagi motosikal Konst. Razali ikut belakang.

Di kes *Syed Ali b. Syed Abdul Hamid & Anor. lwn. PP* [1982] CLJ (Rep) 340 MP di muka surat 346:

> The learned judge in the court below took judicial notice of the fact that raw opium emitted out very strong disagreeable smell and thus drew an inference that the chempedaks were in reality intended by appellant No. (2) to camouflage the odour of the opium. For ourselves having regard to the common course of natural events and human conduct we cannot find fault with such inference. Thus the purchase of the chempedaks was in reality for a different purpose, although outwardly it appeared to be innocent as it was professedly intended as a gift to his sister in Singapore and only appellant No. (2) knew what that different purpose was.
>
> In conclusion the totality of these circumstances - that is the custody and control of the car, the opportunity of appellant No. (2) who had custody and control of it during the material period to conceal the raw opium in question in the car, the lies which he told to PW4 about the purpose of borrowing the car for that period and lastly the purpose which could be drawn from the purchase of the chempedaks with such a strong odour - all these circumstances lead us to an irresistible conclusion that appellant No. (2) knew that the raw opium in question was concealed in the car and so possession was proved against him. Nothing said by him in his defence could alter this conclusion. We therefore hold that his conviction and sentence should be maintained.

Di kes di hadapan saya sekarang ini juga "having regard to the common course of natural events and human conduct", "the totality of these circumstances" dengan ukuran imbangan kebarangkalian barangkali (probable) sumber di kes di hadapan saya sekarang ini, seorang pada satu ketika ganjaran kepadanya tidak dibayar, seorang "having a purpose to serve", seorang "not entirely disinterested" sangat-sangat berniat sabitan tertuduh seperti dinyata di tuduhan dan *bona fides*, kebolehpercayaan sumber di kes di hadapan saya sekarang ini menjadi disyaki (becomes suspect).

Memang peranan seorang sumber amat penting, amat perlu untuk mengesan dan untuk mencegah kegiatan pengedaran dadah berbahaya yang sentiasanya biasanya secara penyeludupan dan secara gelap dan oleh yang demikian ada peruntukan-peruntukan seperti s. 40 dan s. 42A Akta. Di bawah seksyen 40(3) Akta Mahkamah boleh (may) mengadakan siasatan (inquire) dan pendedakan (full disclosure) mengenai seorang sumber atas sebab-sebab tertentu, tetapi dengan hormatnya rasa saya ini budibicara satu budibicara kegunaannya hendaklah berhati-hati (judiciously).

Dengan hormatnya di kes di hadapan saya sekarang ini oleh kerana *bona fides*, kebolehpercayaan sumber, bermakna oleh kerana *bona fides*, kebolehpercayaan punca, asas kes pihak pendakwa menjadi disyaki (becomes suspect) adalah sedikit bahaya (not safe) untuk pembelaan tertuduh dipanggil untuk menjawab tuduhan.

Tertuduh dibebaskan dan dilepaskan tanpa pembelaan dipanggil.

Also found at [1992] 2 CLJ 794